

**SULIT**



## **UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

### **PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI 2018/2019**

NAMA KURSUS	:	AKIDAH KETUHANAN DAN SAINS
KOD KURSUS	:	UQI 10502 / UWA 10502
PROGRAM	:	DAA/ DAE/ DAK/ DAM/ DAT/ DAU
TARIKH PEPERIKSAAN:	:	JUN / JULAI 2019
JANGKA MASA	:	2 JAM
ARAHAN	:	A) JAWAB SEMUA SOALAN DALAM BORANG OMR YANG DISEDIAKAN. B) DILARANG MEMBAWA KERTAS SOALAN INI KELUAR DARI DEWAN PEPERIKSAAN.

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI DUA PULUH SATU (21) MUKA SURAT

**SULIT**

**S1** Apakah nama lain bagi manusia?

- A      Bashar
- B      An-Nar
- C      An-Nisyah
- D      Bani Israel

**S2** Apakah unsur-unsur penciptaan manusia seperti yang disebut dalam al-Quran dan al-Hadith?

- A      Air dan tanah hitam
- B      Air sungai dan tanah liat
- C      Air dan pati tanah yang liat, panas dan keras
- D      Air tawar bercampur air masin dan tanah merah

**S3** Manakah berikut merupakan faktor pendorong untuk manusia beragama?

- I      Sihir
- II     Keperluan manusia
- III    Adat dan amalan tradisi
- IV    Perasaan gentar terhadap *al-majhul*

- A      I, II dan III sahaja
- B      I, III dan IV sahaja
- C      II, III dan IV sahaja
- D      I, II, III dan IV

**S4** Siapakah manusia menurut pandangan agama Islam?

- A      Makhluk diciptakan oleh Tuhan berdasarkan imej Tuhan
- B      Makhluk diciptakan untuk menjadi anak kepada persekitaran
- C      Makhluk diciptakan oleh Tuhan dan dihantar untuk berkhidmat kepada Tuhannya
- D      Makhluk paling mulia yang diciptakan untuk beribadat dan mempunyai tanggungjawab kepada Tuhan penciptanya

**S5** Apakah pandangan agama Hindu terhadap manusia?

- A Hidup berasaskan karma atau ketentuan
- B Kelahiran atau kehidupan manusia terkandung di dalamnya sengsara
- C Manusia hidup di dunia sentiasa berusaha mencari kemewahan dan keseronokan
- D Manusia mempunyai tanggungjawab dan amanah yang mesti dilaksanakan

**S6** Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan *mokhsa* dalam kepercayaan agama Hindu?

- A Sengsara
- B Keseronokan
- C Kesempurnaan
- D Tanggungjawab

**S7** Manakah berikut merupakan unsur-unsur agama?

- I Kewujudan *supernatural beings*
  - II Penggunaan simbol-simbol dan nilai-nilai
  - III Amalan yang ditujukan kepada *supernatural beings*
  - IV Menolak kepercayaan terhadap *supernatural beings* yang bersifat mutlak
- 
- A I, II dan III sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

Soalan 8 adalah berdasarkan kepada konsep agama dalam **Pernyataan 1**. Pilih jawapan yang betul.

**Pernyataan 1**

“Agama adalah satu sistem kepercayaan dan amalan yang dijadikan asas oleh satu kumpulan manusia dalam memberikan interpretasi dan tindak balas terhadap sesuatu yang mereka rasa sebagai supernatural dan kudus”.

**S8** Siapakah yang memberikan konsep agama di atas?

- A Collins (1975: 418)
- B Johnstones (1975: 20)
- C J.M Yinger (1971: 07)
- D Edward Norbeck (1965: 213)

**S9** Manakah antara berikut merupakan teori asal usul agama?

- I Teori Falsafah
- II Teori Sosiologi
- III Teori Psikologi
- IV Teori Eskatologi

- A I, II dan III sahaja
- B I, III dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

**S10** Manakah agama yang berasal daripada Asia Timur?

- A Islam, Sikh dan Jaina
- B Islam, Yahudi dan Kristian
- C Shinto, Tao dan Konghuchu
- D Zarathustra, Hindu dan Buddha

**S11** Pilih pernyataan yang benar mengenai teori Falsafah berkenaan asal usul agama.

- I Agama adalah berasal daripada aktiviti pemikiran manusia
  - II Agama tidak bersandar kepada akal adalah agama yang karut
  - III Agama membenarkan perbincangan tentang perkara metafizik melalui akal
  - IV Agama wujud disebabkan rasa gerun terhadap satu kuasa yang tidak dikenali oleh akal
- 
- A I, II dan III sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

**S12** Manakah berikut bukan ciri teori Psikologi berkenaan asal usul agama?

- A Agama lahir hasil dorongan akal, emosi dan naluri yang kompleks
- B Mengaitkan unsur-unsur dalaman diri manusia sebagai penyebab kelahiran agama
- C Agama muncul dalam diri manusia itu sendiri melalui pengalaman dalaman yang berbentuk mistik
- D Puak Melanesia memanggilnya sebagai mana, manakala puak Alonquin di Amerika Utara memanggilnya sebagai Manitou

**S13** Apakah ciri asal usul agama menurut Islam?

- I Agama yang mempercayai bahawa Allah S.W.T. adalah tuhan sekalian alam
  - II Agama yang diturunkan kepada manusia untuk membimbing mereka kepada jalan yang benar
  - III Mencapai kesejahteraan dunia dan akhirat dengan mematuhi segala suruhan dan menjauhi segala laranganNya
  - IV Manusia tidak ada kemampuan untuk memahami masalah ketuhanan, perkara-perkara ghaib dan soal-soal pembalasan syurga dan neraka
- 
- A I, II dan III sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

**S14** Manakah ciri-ciri agama wahyu?

- I Agama yang diilhamkan oleh Tuhan kepada pengasasnya
  - II Pengajaran agama adalah pemberitahuan yang diwahyukan oleh Tuhan
  - III Tuhan mewahyukan peraturan dan pemberitahuan kepada manusia melalui rasul-rasulNya
  - IV Rasul-rasul yang menerima wahyu daripada Tuhan bermula dengan Nabi Adam A.S sehingga Nabi Muhammad S.A.W.
- 
- A I, II dan III sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

**S15** Manakah bukan ciri-ciri agama budaya?

- A Agama yang lahir hasil daripada penemuan pengasas agama
- B Agama yang lahir hasil daripada pengalaman pengasas agama
- C Agama yang muncul hasil daripada penemuan tulisan-tulisan lama
- D Agama yang mementingkan penyerahan diri kepada peraturan Tuhan

**S16** Pilih gandingan yang salah berkaitan antara tokoh/nabi dengan kitab suci.

- |   |                                |                |
|---|--------------------------------|----------------|
| A | Mahavira (556 SM - 429 SM)     | - Tripitaka    |
| B | Muhammad S.A.W (570 M - 632 M) | - Al-Quran     |
| C | Musa (3000 - 1200 SM)          | - Kitab Taurat |
| D | Lao Tze (604 SM - 524 SM)      | - Tao the King |

**S17** Apakah pengertian akidah dari segi bahasa?

- A Ikatan *maknawi*
- B Jalan yang lurus
- C Kepercayaan *hissi*
- D Ikatan atau simpulan

**S18** Apakah pengertian akidah dari segi istilah?

- A Kepercayaan, keimanan dan keyakinan *hissi* dan *maknawi*
- B Keimanan yang kukuh dalam jiwa yang mungkin terurai dengan sebab-sebab tertentu
- C Keimanan terhadap Allah S.W.T. serta sebahagian ajaran yang diwahyukan melalui RasulNya
- D Keimanan yang kukuh dalam jiwa yang tidak mungkin terurai walau dengan apa cara sekalipun

**S19** Apakah maksud yang terkandung dalam perkataan *Ilah*?

- I Sejahtera
  - II Perlindungan
  - III Memperdewakan
  - IV Mempermainingkan
- 
- A I, II dan III sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

**S20** Apakah makna simpulan maknawi yang merujuk kepada pengertian akidah?

- A Persahabatan, simpulan tali, perkahwinan
- B Persahabatan, perkahwinan, simpulan benang
- C Ikatan perkahwinan, persahabatan, kepercayaan
- D Ikatan perkahwinan, simpulan tali, tali jambatan

**S21** Apakah matlamat utama memahami konsep akidah ketuhanan?

- A Memahami kepelbagaian agama
- B Beramal dengan segala suruhan Tuhan
- C Keperluan untuk mengetahui ilmu ketuhanan
- D Memperteguh kepercayaan kepada kewujudan Tuhan

**S22** Pilih pernyataan yang benar tentang Tuhan menurut agama Islam.

- I Pencipta alam dunia sahaja
  - II Dipuja oleh golongan manusia
  - III Tuhan yang mesti disembah
  - IV Tuhan yang sentiasa memberi pertolongan dan perlindungan
- 
- A I, II dan III sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

Soalan 23 merujuk kepada konsep akidah ketuhanan dalam **Pernyataan 2**. Pilih jawapan yang betul.

**Pernyataan 2**

*Ilah* ialah yang mempertuhankan oleh hati-hati dengan perasaan cinta, keagungan, kemuliaan, perendahan diri, takut, mengharap dan tawakal

**S23** Siapakah ulama Islam yang memberi pandangan dalam **Pernyataan 2** di atas?

- A Ibnu Taymiyyah
- B Abu Ala al-Maududi
- C Dr. Yusuf al-Qardawi
- D Ibn Qayyim al-Jawziyyah

**S24** Apakah maksud fitrah dari sudut bahasa?

- A Ilham
- B Lurus
- C Kehendak
- D Bersih dan suci

**S25** Apakah ciri utama politeisme?

- A Kepercayaan kepada banyak tuhan
- B Kepercayaan kepada tuhan yang satu
- C Sembah satu tuhan, tidak nafi yang lain
- D Menyembah beberapa tuhan yang dipilih

**S26** Apakah bentuk agama samawi?

- A *Absolute monotheism*
- B *Monotheism in theory*
- C *Monotheism in practice*
- D *Speculative monotheism*

**S27** Manakah pernyataan yang menjelaskan mengenai pembuktian wujudnya monoteisme dan politeisme?

- I Wahyu dan kitab
  - II Cerita-cerita lisan
  - III Nyanyian keagamaan
  - IV Rujukan dan penyelidikan
- 
- A I, II dan III sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

**S28** Pilih pernyataan yang menjelaskan tentang monoteisme dalam agama langit.

- I Mempunyai sumber rujukan
  - II Diketahui masa kelahirannya
  - III Diketahui mengenai pembawanya
  - IV Terhad kepada satu bangsa dan budaya sahaja
- 
- A I, II dan III sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

**S29** Manakah merupakan konsep ketuhanan yang satu?

- A *Absolute polytheism*
- B *Absolute monotheism*
- C *Monotheism in theory*
- D *Monotheism in practice*

**S30** Mengapakah agama Islam berbeza dengan *Polytheism* ataupun *Monotheism in theory*?

- A Ajaran Islam untuk bangsa tertentu
- B Terdapat kerajaan langit dalam agama
- C Keesaan mutlak terhadap Allah S.W.T.
- D Terdapat banyak Tuhan dalam agama Islam

**S31** Mengapakah agama Yahudi membataskan penganutnya untuk satu bangsa sahaja?

- A Kekurangan ahli agama
- B Ketuhanan untuk bangsa mereka
- C Berlaku penentangan terhadap penyebaran agama
- D Berlaku penghijrahan golongan muda ke luar negeri

Soalan 32 adalah berdasarkan bentuk kepercayaan dalam **Pernyataan 3**. Pilih jawapan yang betul.

**Pernyataan 3**

Mempercayai bahawa Allah S.W.T. adalah Tuhan yang Maha Esa yang wajib disembah. Allah S.W.T. juga yang menjadikan, memiliki dan mentadbir alam serta isinya, tiada makhluk lain yang serupa.

**S32** Apakah bentuk kepercayaan monoteisme yang dijelaskan dalam **Pernyataan 3** di atas?

- A Praktis
- B Mutlak
- C Teoritis
- D Spekulatif

**S33** Manakah pernyataan yang benar mengenai agama samawi?

- I Agama budaya lebih kuat berbanding agama samawi
  - II Agama samawi dan agama budaya merupakan konsep kepercayaan
  - III Agama samawi terdiri daripada agama Shinto dan agama Zarathustra
  - IV Agama samawi mempunyai hubungan yang amat rapat dengan bentuk ketuhanan monoteisme mutlak
- 
- A I dan II sahaja
  - B I dan III sahaja
  - C II dan IV sahaja
  - D III dan IV sahaja

**S34** Manakah agama yang mempunyai hubungan yang amat rapat dengan bentuk ketuhanan yang pelbagai?

- A Agama Adat
- B Agama Sanawi
- C Agama Budaya
- D Agama Samawi

**S35** Manakah kesan negatif syirik terhadap kehidupan manusia?

- I Mengikat manusia dengan kepercayaan tahuyl yang pelbagai
  - II Konsep balasan selepas mati, dimasukkan ke dalam neraka dan kekal di dalamnya
  - III Satu kezaliman terhadap diri sendiri kerana memperhambakan diri kepada selain daripada Tuhan yang satu
  - IV Menerbitkan rasa takut yang tidak berpenghujung kerana kepercayaan terhadap pelbagai Tuhan yang tidak jelas asal-usul dan tindakannya
- A I, II dan III sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

**S36** Pilih pernyataan yang menjelaskan tentang kepentingan kedudukan salib dalam kalangan penganut Kristian?

- A Lambang kasih sayang
- B Tanda kekuasaan tuhan
- C Pusat penumpuan di dalam gereja
- D Pusat penyatuan hubungan manusia dengan alam

**S37** Apakah maksud konsep kepercayaan terhadap roh dan hantu dalam agama Buddha?

- A Manusia baik apabila mati tidak akan menjadi hantu
- B Manusia jahat apabila mati akan hidup semula menjadi hantu
- C Manusia jahat apabila mati akan hidup dalam keadaan kesengsaraan
- D Manusia baik apabila mati akan hidup semula menjadi hantu yang baik

**S38** Pilih perkara yang membentuk Trimurti.

- A Nirguna dan Sirguna
- B Brahma, Visynu dan Siva
- C Guru Nanak, Kabir dan Nam
- D Tuhan Bapa, Tuhan Ibu dan Tuhan Anak

**S39** Mengapakah konsep ketuhanan tidak dibincangkan dalam agama Buddha?

- A Pengasasnya melarang pengikut memikirkan perkara mengenai ketuhanan
- B Pengasasnya lebih memberi penumpuan kepada aspek etika dan ajaran-ajaran moral
- C Penganut Buddha lebih mementingkan perbincangan untuk melakukan kebaikan sesama makhluk
- D Penganut Buddha mendapati perbincangan mengenai ketuhanan sukar untuk difahami oleh manusia biasa

**S40** Pilih gandingan yang benar berkaitan kitab - kitab suci dalam agama.

- |     |                |   |              |
|-----|----------------|---|--------------|
| I   | Agama Hindu    | - | Kitab Veda   |
| II  | Agama Kristian | - | Kitab Injil  |
| III | Agama Islam    | - | Kitab Agamas |
| IV  | Agama Buddha   | - | Kitab Avesta |
- A I dan II sahaja  
B I dan III sahaja  
C II dan IV sahaja  
D III dan IV sahaja

**S41** Manakah pernyataan yang benar mengenai konsep Triniti dalam agama Kristian?

- |     |   |
|-----|---|
| I   | Percaya kewujudan dewa-dewa   |
| II  | Anak Tuhan datang ke dunia sebagai penyelamat                       |
| III | Ruhulkudus boleh masuk ke dalam peribadi orang suci                 |
| IV  | Tuhan Bapa yang merupakan pencipta sekalian alam yang ada di syurga |
- A I, II dan III sahaja  
B I, III dan IV sahaja  
C II, III dan IV sahaja  
D I, II, III dan IV

**S42** Manakah pernyataan yang benar mengenai latar belakang agama Hindu?

- |     |                                  |
|-----|----------------------------------|
| I   | Agama tertua di dunia            |
| II  | Agama ciptaan manusia            |
| III | Asal nama daripada Sungai Sindus |
| IV  | Pengasas agama ini adalah Brahma |
- A I, II dan III sahaja  
B I, III dan IV sahaja  
C II, III dan IV sahaja  
D I, II, III dan IV

**S43** Apakah pembahagian ilmu dalam Islam daripada aspek hubungannya dengan syariat?

- A Ilmu Aqli dan ilmu Naqli  
B Ilmu Kasbi dan ilmu Laduni  
C Ilmu Syariat dan ilmu ‘Aqliyah  
D Ilmu Fardu Ain dan ilmu Fardhu Kifayah

**S44** Apakah perkataan asal ilmu dalam Bahasa Arab?

- A *I'lam*
- B *'Alima*
- C *'Alama*
- D *Ma'lum*

**S45** Apakah sumber ilmu yang paling utama dalam Islam?

- A Akal
- B Ilham
- C Wahyu
- D Pancaindera

**S46** Manakah pernyataan yang menjelaskan konsep kesepaduan ilmu?

- A Allah S.W.T. sebagai sumber ilmu
- B Menunjukkan kehebatan manusia dalam mencari ilmu
- C Manusia dan alam punca segala sumber ilmu pengetahuan
- D Natijah kesepaduan ilmu akan menjadikan manusia yakin untuk mencipta aliran pemikiran yang terkini mengikut keperluan semasa

**S47** Siapakah tokoh yang melahirkan idea tentang Gagasan Pengislaman Ilmu (*Islamization of Knowledge*)?

- I Muhammad Iqbal
  - II Profesor Fazlur Rahman
  - III Profesor Ismail al-Faruqi
  - IV Profesor Sheikh al-Idris Marbawi
- 
- A I, II dan III sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

**S48** Apakah tahap keyakinan tertinggi dalam ilmu pengetahuan?

- A *'Ilm al-yakin*
- B *'Ain al-yakin*
- C *Sadq al-yakin*
- D *Hagg al-yakin*

**S49** Apakah pengertian ilmu menurut perspektif Barat?

- A Ketibaan makna ke dalam jiwa pencari ilmu
- B Mengiktiraf ilmu yang merangkumi aspek lahiriah dan batiniah
- C Mengakui kewujudan perkara lain di luar kemampuan pancaindera
- D Pengenalan yang jelas terhadap fakta yang bersifat zahir dan empiris

**S50** Apakah maksud ilmu Laduni?

- A Ilmu untuk memahami kandungan al-Quran dan al-Sunnah
- B Ilmu yang diperolehi melalui usaha dan proses pembelajaran
- C Ilmu pemberian langsung dari Allah S.W.T. melalui ilham atau wahyu
- D Ilmu yang berkaitan dengan akidah dan ibadah-ibadah wajib yang perlu ditunaikan

**S51** Pilih kelebihan menuntut ilmu dalam Islam.

- I Menjamin kesempurnaan ibadah yang dilakukan
  - II Membentuk keperibadian dan akhlak yang mulia
  - III Mengangkat darjat seseorang manusia di sisi Allah S.W.T. dan masyarakat
  - IV Melatih manusia supaya hidup dalam kelompok berdasarkan kepakaran ilmu yang dimiliki
- 
- A I, II dan III sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

**S52** Apakah maksud ilmu dalam falsafah Islam?

- I Merangkumi lahiriah dan batiniah
  - II Sesuatu yang ada hubungan dengan Tuhan
  - III Segala sesuatu yang datang daripada Allah S.W.T.
  - IV Mempunyai ikatan tauhid yang tidak terputus dengan penciptanya
- 
- A I, II dan III sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

**S53** Pilih pernyataan yang benar tentang sekularisme?

- I *Saeculum* membawa maksud masa dan tempat dalam konteks masa kini
  - II Sekularisme menolak nilai-nilai keagamaan dalam kehidupan sosial manusia
  - III Sekular sangat rapat dengan keduniaan, sifat duniawi dan tiada kaitan dengan agama
  - IV Isme bermaksud kepercayaan, gerakan politik atau keagamaan, sikap serta perlakuan
- 
- A I, II dan III sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

**S54** Apakah perkataan sekular menurut Yusuf al-Qardawi?

- A *al-'Ilmiyah*
- B *al-Amaniyah*
- C *al-Ihsaniyyah*
- D *al-La Diniyyah*

**S55** Apakah pandangan Yusuf al-Qardawi (1999) mengenai sekularisme?

- A Fahaman yang hubungannya dengan agama berlawanan
- B Fahaman yang menggabungkan kehidupan dunia dan akhirat
- C Pemikiran yang mementingkan kehidupan beragama semata-mata
- D Pemikiran yang menerima sebahagian nilai-nilai keagamaan dalam kehidupan sosial manusia

**S56** Apakah faktor kemunculan fahaman sekularisme di Eropah?

- I Kebanyakan murid dari Eropah yang hendak belajar ilmu hanya boleh didapati di universiti Islam di Sepanyol
  - II Ilmu yang diperolehi dari orang-orang Islam dapat membina masyarakat Eropah menjadi lebih maju dan bertamadun
  - III Keangkuhan ilmiyyah pada pihak gereja menganggap bahawa ilmu pengetahuan selain daripada mereka adalah berbahaya
  - IV Keangkuhan ruhiyyah pada pihak institusi gereja Katolik Rom yang mendakwa paderi gereja mempunyai hubungan batin dengan Tuhan yang boleh memberi pengampunan kepada manusia
- 
- A I dan II sahaja
  - B II dan III sahaja
  - C I dan IV sahaja
  - D III dan IV sahaja

**S57** Apakah punca pihak gereja pada abad ke-14M menganggap bahawa ilmu pengetahuan yang bukan bersumberkan daripada mereka adalah berbahaya?

- A Pihak gereja menganggap bahasa Arab adalah bahasa orang kafir
- B Pihak gereja sangat marah kepada cendekiawan Eropah yang membawa masuk ilmu sains
- C Ilmu yang membawa kemajuan datang daripada orang Islam yang telah membawa perkembangan Islam dan memusnahkan pengaruh gereja
- D Pelajar Eropah mempelajari ilmu sains di Universiti Islam, Sepanyol dan membawa ilmu daripada orang Islam

**S58** Pilih ciri-ciri sekularisme dan pengaruhnya terhadap sains moden.

- I Pegangan utamanya ialah *the freedom of thought* iaitu menjadi hak setiap manusia untuk bebas berfikir bagi faedah dirinya
  - II Semua amalan ibadat keagamaan adalah amalan sia-sia yang mendekatkan diri kepada kepercayaan karut, ketinggalan zaman dan institusi keagamaan merupakan institusi yang menindas masyarakat
  - III Fahaman kepada nilai-nilai yang dapat dilihat dalam bentuk kebendaan adalah nilai-nilai yang baik walaupun golongan sekular tidak menolak nilai-nilai lain yang lebih baik daripada nilai kebendaan tersebut
  - IV Menekankan hak untuk berbincang secara bebas tentang perkara penting seperti tanggungjawab moral, kewujudan Tuhan dan keabadian roh sehingga tiada asas mutlak yang patut dipegang oleh golongan sekular
- A I, II dan III sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

**S59** Apakah prinsip sekularisme menurut Syed Naquib al-Attas?

- A Aliran ini memperbaiki kehidupan manusia dengan cara rohani dan jasmani
- B Kebenaran keduniaan (*secular*) adalah bebas dari ajaran wahyu dan kenabian
- C Kebahagiaan hidup di dunia perlu dirujuk kepada dasar-dasar agama dan wahyu
- D Pemerintahan dan kehidupan keduniaan mempunyai kaitan dengan agama dan nilai kerohanian

**S60** Siapakah yang menyatakan bahawa semua amalan muslim untuk mendapat keredhaan Allah S.W.T. adalah berdasarkan kepada niat individu?

- A Yusuf al-Qardawi
- B Rasulullah S.A.W.
- C Syed Naquib al-Attas
- D Umar bin al-Khatab R.A.

**S61** Manakah istilah ‘*Science*’ dalam bahasa Inggeris yang diambil daripada bahasa Latin ‘*Scientia*’?

- A Kaedah mencerap sesuatu fenomena sains
- B Pengetahuan yang bersistematik dan saintifik
- C Tahap keadaan tahu seseorang terhadap fenomena alam
- D Kajian secara bersistem berdasarkan kepada pencerapan dan eksperimen

**S62** Pilih ciri-ciri asas ilmu sains.

- I Bersifat objektif, saintifik dan sejagat
  - II Alam ini secara fitrahnya teratur dengan sistemnya tersendiri
  - III Merupakan proses pengukuhan sesuatu teori tentang alam tabii
  - IV Memerlukan kemampuan daya intelek untuk memahami fenomena semulajadi alam tabii
- A. I, II dan III sahaja
  - B. I, III dan IV sahaja
  - C. II, III dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV

**S63** Apakah pengertian sains menurut *The Oxford English Dictionary*?

- A Pengetahuan yang bersistem dan terumus
- B Pengetahuan yang saintifik tetapi tidak bersistem
- C Pengetahuan yang tidak bersistem tetapi saintifik
- D Pengetahuan yang mengutamakan uji kaji di dalam makmal

**S64** Apakah kategori ilmu sains yang menghasilkan kekuatan nilai amali?

- A Sains Tabii
- B Sains Politik
- C Sains Gunaan
- D Sains Komunikasi

**S65** Apakah bidang kajian dalam ilmu Sains Tabii?

- A Tsunami
- B Kejadian manusia
- C Kejuruteraan elektrik
- D Bahasa dan komunikasi

- S66** Apakah pengertian sains menurut Peter Medawar di dalam bukunya *The Limit of Science*?
- A Masalah ilmu sains akan bertambah jika tahap kefahamannya semakin kurang  
B Seseorang akan berkurang tahap ilmu sains apabila ia mencerap sesuatu fenomena sains  
C Seseorang akan bertambah tahap ilmu sains apabila ia mencerap sesuatu fenomena sains  
D Seseorang tidak akan bertambah atau kurang ilmu sains apabila ia mencerap sesuatu fenomena sains
- S67** Apakah tahap-tahap perkembangan janin dalam kandungan?
- A Pre-embrionik, embrionik dan fetus  
B Pre-embrionik, embrionik dan zulmah  
C Pre-embrionik, embrionik dan zulumat  
D Pre-embrionik, embrionik dan ekstrinsik
- S68** Manakah pernyataan yang menjelaskan fungsi atmosfera yang disebutkan dalam al-Quran?
- A Mengembalikan cahaya matahari  
B Mencetuskan proses kejadian hujan  
C Menyamakan kadar oksigen di setiap lapisan bumi  
D Mengumpulkan oksigen untuk diagihkan kepada seluruh makhluk hidup
- S69** Mengapa ramai saintis bukan Islam memeluk agama Islam?
- A Wujud persamaan antara sains moden dengan sains Islam  
B Wujud pertemuan antara sains dengan kehendak al-Quran  
C Terdapat persamaan antara sains al-Quran dengan sains Islam  
D Terdapat pertemuan antara kehendak wahyu dengan sunnatullah

Soalan 70 adalah berdasarkan sumber-sumber sains dalam **Pernyataan 4**. Pilih jawapan yang betul.

**Pernyataan 4**

“Adakah manusia mengira bahawa kami tidak akan mengumpulkan kembali tulang belulang mereka. Bukan demikian, kami mampu menyusun jari jemari mereka dengan sempurna”

(Al-Qiyamah: 3-4)

**S70** Apakah isu utama yang dinyatakan dalam **Pernyataan 4**?

- A Penipisan ozon
- B Perkembangan janin dalam kandungan
- C Cap jari manusia sebagai tanda pengenalan
- D Matahari dan bumi sentiasa berjalan di atas paksinya

**S71** Mengapakah tidak berlaku pertembungan antara sains dengan al-Quran?

- A Sains sentiasa selari dengan kandungan al-Quran
- B Kedua-duanya bersumber daripada Allah S.W.T.
- C Al-Quran sentiasa menyesuaikan diri dengan penemuan sains
- D Sains dan al-Quran sentiasa berganding bahu dalam menyelesaikan persoalan umat

**S72** Apakah dua kaedah utama yang menjadi asas ilmu sains?

- A Induksi dan deduksi
- B Ujikaji dan inspirasi
- C Sistematik dan saintifik
- D Radiasi dan refleksiologi

Soalan 73 adalah berdasarkan **Pernyataan 5** di bawah.

**Pernyataan 5**

“Dia menjadikan kamu dalam perut ibumu kejadian demi kejadian dalam tiga kegelapan. Yang (berbuat) demikian itu adalah Allah, Tuhan kamu, Tuhan yang mempunyai kerajaan. Tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) selain Dia; maka bagaimana kamu dapat dipalingkan?”

(Al-Zumar, 39:6)

**S73** Berdasarkan maksud ayat al-Quran dalam **Pernyataan 6**, apakah kaitan antara al-Quran dengan sains?

- A Penipisan ozon
- B Perkembangan janin di dalam kandungan
- C Cap jari manusia sebagai tanda pengenalan
- D Matahari dan bumi sentiasa berjalan di atas paksinya

**S74** Pilih kaedah sains yang menyimpulkan fenomena alam yang diambil daripada kesimpulan umum dengan menggunakan kaedah *logical-positivism*?

- A Induksi
- B Radiasi
- C Deduksi
- D Saintifik

**S75** Manakah berikut merupakan satu peringkat dalam kaedah induksi?

- A Tidak menganggap fenomena wujud di alam ini
- B Menganggap semua fenomena ada hubungkait antara satu dengan yang lain
- C Menganggap sebahagian fenomena ada hubungkait antara satu dengan yang lain
- D Menganggap semua fenomena tiada hubung kait di antara satu dengan yang lain

**S76** Manakah berikut kepentingan beramal dengan akhlak terpuji?

- I Membersihkan jiwa
  - II Menghias dengan sifat terpuji
  - III Membersihkan diri dari sifat keji
  - IV Melakukan perkara yang baik dan buruk
- 
- A I, II dan III sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

**S77** Apakah faktor yang berperanan melengkapkan aspek amali dalam akidah dan syariah Islam?

- A Sains
- B Etika
- C Akhlak
- D Ketuhanan

**S78** Manakah antara berikut merupakan pembahagian etika?

- A Etika aktif dan pasif
- B Etika pasif dan normatif
- C Etika normatif dan tentatif
- D Etika deskriptif dan normatif

**S79** Mengapa sarjana Islam, Buddha, Hindu dan Kristian telah bergerak semula memacu sains dan teknologi ke arah landasan yang betul setelah berlaku revolusi dunia?

- A Dunia kini hampir kiamat
- B Mereka telah sedar kepentingan nilai-nilai agama
- C Mereka tahu perangsaan akan berlaku bila-bila masa
- D Hubungan erat antara akhlak, moral dan etika dapat memelihara keharmonian dan keamanan sejagat

**S80** Apakah kesan buruk sekiranya nilai-nilai agama diabaikan dalam memacu kemajuan hidup?

- I Perangsaan
- II Krisis dunia
- III Keruntuhan akhlak
- IV Pertambahan alat teknologi

- A I, II dan III sahaja
- B I, III dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

**-SOALAN TAMAT-**